

## ISLAM LARANG BOROS BERBELANJA



Oleh: Raudhah Noorzali

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Disiarkan pada 21 Mei 2021*

“Tabdzir (pemborosan) adalah menginfakkan sesuatu bukan pada jalan yang benar (tidak tepat dan tidak bermanfaat).” Ayat ini dipetik dari Kitab Tafsir al-Quran al-‘Azim yang dikarang oleh Imam Ibnu Kathir.



Gambar Hiasan

Boros dalam bahasa Arabnya iaitu *israf* atau *tabdzir* boleh juga dikatakan sebagai aktiviti membuang duit ke tempat yang tidak sepatutnya. Sebagai manusia yang lemah imannya, saya akui juga pernah terjebak dengan amalan pembaziran ini dan sering menyesalinya di kemudian hari.

Tidak dinafikan akibat penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia menyebabkan kita terpaksa berkurung di rumah untuk jangka masa yang panjang. Hal ini menyebabkan kuasa membeli meningkat terutamanya pembelian dalam talian dek kerana tiada aktiviti lain yang dilakukan di rumah.

Pada bulan April tahun lalu, Pengurus Kanan Pick Up & Delivery Pos Malaysia, Mohd Azilah A. Rahim berkata dalam satu akhbar tempatan bahawa pihaknya telah menerima

peningkatan jumlah pesanan Pos Laju sebanyak 35 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), iaitu dengan jumlah bungkusan mencecah 770,00 sehari.

Kita mungkin tidak dapat mengesan jenis barang yang dibeli oleh para pembeli ini. Adakah barang keperluan ataupun kehendak? Tetapi jumlah pesanan yang dinyatakan itu amatlah merisaukan dan dikhuatiri ia terjadi akibat daripada sikap boros kita.

Sedangkan Allah SWT berfirman dalam Surah al-Israk ayat 26 dan 27 yang bermaksud, “Dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros. Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan.”

Melalui pembacaan saya dalam salah satu penulisan Ustazah Asma Harun, beliau ada menyatakan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pembaziran. Antaranya ialah faktor daripada sikap kita yang mudah tertarik dengan promosi dan diskaun dalam sesuatu iklan.

Pada asasnya, tidak dinafikan wujud elemen persuasif dalam kebanyakan iklan yang membuatkan pembeli tertarik dan terpengaruh dengan produk yang ditawarkan. Pelbagai idea dibincangkan oleh sesebuah syarikat jualan demi menghasilkan kualiti pengiklanan yang berkesan. Jadi, tidak hairanlah ramai yang terpengaruh dan membeli produk tersebut.

Hakikatnya kita sering membeli hanya kerana harga barang itu murah walaupun ianya bukanlah suatu keperluan dan boleh dikategorikan sebagai barang yang tidak bermanfaat. “Kalau tak beli sekarang, lepas ni mesti harga lagi mahal.” Itulah alasan yang selalu kita gunakan untuk menyedapkan hati sendiri.

Selain daripada sikap mudah tertarik, boros juga terjadi kerana kebanyakan daripada kita gemar berbelanja menggunakan kad kredit ataupun *online banking*. Kemajuan teknologi pada hari ini secara tidak langsung mendorong kita untuk berbelanja dengan cara *cashless*.

*Cashless* ialah kaedah pembayaran tanpa menggunakan wang tunai tetapi hanya menggunakan kad atau bayaran melalui telefon bimbit. Kaedah ini sememangnya mampu mengurangkan kes pencurian dalam negara kita. Namun dari sisi lain, ia menyebabkan kita terlalu seronok berbelanja sesuka hati kerana wang yang mengalir itu tidak dilihat secara zahirnya.

Jadi, apakah cara yang boleh dipraktikkan untuk mengelakkan diri daripada sikap boros ini? Suka untuk saya kongsi di sini, pada tahun 2019, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memberikan peringatan kepada seluruh rakyat negeri Selangor dengan khutbah Jumaat yang bertajuk “Bijak Mengurus Kewangan Peribadi.”

Antara intipati teks khutbah ini yang menarik minat saya ialah pepatah “ukur baju di badan sendiri.” Pepatah ini amatlah bertepatan dengan anjuran Islam iaitu senantiasa bersederhana atau *wasatiyyah*, dan berhemah dalam mengurus perbelanjaan.

Rancanglah perbelanjaan kita dengan baik agar tidak berlaku pembaziran. Perbanyakkan amalan bersedekah kerana ianya akan membantu memberatkan timbangan kebaikan di akhirat kelak.

Teringat saya akan kata nasihat oleh Allahyarham Dato’ Haji Ismail Bin Kamus yang berbunyi seperti ini, “Sebenarnya duit yang kita derma itulah kita punya, yang simpan dalam poket itu belum tentu kita punya. Boleh jadi klinik punya, yang pastinya waris kita punya.”

Oleh itu, mari kita bersama-sama muhasabah diri. Adakah kita mahu digelar kaya di dunia atau kaya di akhirat sana? Bertafakurlah sebelum berbelanja. Nyata, tiada sesiapa yang mampu mengubah diri kita kecuali diri sendiri.